

Utusan Malaysia : 3 September 2019

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

GUGUR KERAKYATAN PENGKHIANAT

MALAYSIA, seperti juga negara-negara sedang membangun lain tidak terlepas daripada menghadapi ancaman musuh yang ingin memusnahkannya atas pelbagai sebab yang ada kaitan dengan agenda masing-masing.

Mereka merupakan pengkhianatan negaa dan antara pendekatan yang digunakan adalah memecah belahkan rakyat pelbagai kaum.

Cukup malang, musuh negara ini adalah rakyat Malaysia sendiri yang melakukan pengkhianatan secara berulang kali tanpa dikenakan tindakan. Kesalahan individu berkesan seolah-olah sengaja dilupakan dan mereka sehingga kini tgerlepas daripada sebarang tindakan.

Pihak tidak bertanggungjawab itu sepatutnya bersyukur kerana mereka hidup di Malaysia yang dihuni orang Melayu yang mempunyai tahap kesabaran dan sifat toleransi tinggi. Bagaimanapun, Individu terbabit harus ingat bahawa langkah memecahbelahkan perpaduan tetap akan menimbulkan perasaan tidak puas hati pihak yang menjadi mangsa.

Bagi mereka yang teraniaya, ia akan menjadi satu dendam tidak berkesudahan, jika tidak mendapat kemaafan. Ini membahayakan negara kita.

Dalam pada itu, saya ingin mencadangkan rakyat yang sengaja memfitnah serta mensabotaj apa juga program bagi memajukan Melayu dalam pelbagai aspek tidak layak tinggal di negara ini dan mereka seharusnya digugurkan kewarganegaraan.

